

Konvensyen Pakatan, fokus solidariti, PRU-13
Malaysiakini.com
Disember 11, 2010

Berbaki lapan hari lagi, persiapan konvensyen ke-2 Pakatan Rakyat di Pulau Pinang 19 Disember ini masuk fasa akhir dengan hampir 80 peratus persiapan telah disempurnakan, lapor Harakahdaily.

Dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pengisian dan Jawatankuasa Penganjuran dan Pengelolaan sedang giat melaksanakan tugas-tugas akhir menjelang raptai penuh sehari sebelum program bermula.

NONE menurut Pengerusi JK Penganjuran, Mujahid Yusof, konvensyen kali ini mensasarkan tiga matlamat besar yang mahu dicapai Pakatan Rakyat.

Pertama, mengukuhkan solidariti parti-parti dalam Pakatan Rakyat iaitu PAS-PKR-DAP.

Kedua, mempamerkan keupayaan Pakatan Rakyat kepada seluruh rakyat negara ini melalui kejayaan yang telah ditunjukkan oleh negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat.

Dan ketiga, membincangkan persiapan Pakatan Rakyat berdepan pilihan raya umum (PRU) ke-13 yang disebut-sebut akan diadakan pada Mac atau April tahun hadapan.

"Kita mahu menawarkan satu polisi kepada rakyat tentang keupayaan Pakatan Rakyat khususnya sebagai parti yang mampu menggantikan BN memerintah negara," katanya.

Di samping itu, konvensyen kali ini juga katanya akan cuba melihat persepsi yang wujud dikalangan masyarakat terhadap Pakatan Rakyat akibat eksploitasi media Umno BN.

NONE bagaimanapun ujarnya, perkara itu akan dilihat secara umum atas kapasiti Pakatan Rakyat dan bukan kepada parti-parti komponen PAS-PKR-DAP secara khusus.

Beliau percaya, permasalahan dalaman parti-parti komponen boleh diselesaikan kepimpinan parti masing-masing dan tidak menjejaskan Pakatan Rakyat.

"Permasalahan dalam setiap parti itu perkara biasa, dan ia sebahagian dinamika politik bagi membentuk kematangan sesebuah parti.

"Apa yang belaku tidak menjejaskan parti pun, namun lebih malang apabila permasalahan kecil ini dieksploitasi oleh media yang ditunggang Umno sehingga memburukkan keadaan," katanya.

Konvensyen Pakatan Rakyat kali ini bakal menyaksikan seluruh kepimpinan utama PAS, PKR dan DAP berkampung bagi memberi nafas baru kepada penerusan perjuangan Pakatan Rakyat.

pkrcongress pc 271110 pakatan leaders Bukan setakat penyokong Pakatan Rakyat, malah seluruh rakyat termasuk pemerhati politik luar dan dalam negara sedang menanti apakah 'benda baru' yang akan dihasilkan konvensyen tersebut.

Dalam pada itu, Pakatan Rakyat juga akan memperkenalkan slogan terbarunya, 'Ubah Sekarang!' yang akan dilancarkan pada konvensyen akan datang.

Selain konvensyen, beberapa program selingan turut dirancang bermula sehari sebelum konvensyen sehingga malam selepas selesai konvensyen.

Sekurang-kurangnya tiga ceramah besar dijadual akan diadakan masing-masing di Balik Pulau dan Seberang Perai Selatan, menampilkan kepimpinan utama ketiga-tiga parti.

penang pakatan convention 211110 02Kesempatan pemukiman itu juga, kuliah-kuliah Maghrib di surau dan Masjid sekitar akan disampaikan pemimpin utama PAS dan PKR selain program kebajikan lain oleh DAP.

Manakala kemuncak program adalah pada sebelum malam 19 Disember, iaitu majlis Pidato Perdana oleh Presiden PAS, PKR dan DAP dan penggulungan oleh ketua umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150548>